

Tarikh Dibaca: 06 Julai 2016

KHUTBAH 'IDULFITRI

Tajuk:

“ ‘IDULFITRI; PERAYAAN IBADAH ”

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal** (Timbalan Pengerusi)
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli** (Setiausaha)
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran** (Ahli)
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim** (Ahli)
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
- 9. Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



“ IDULFITRI; PERAYAAN IBADAH ”

الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ،
الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ،
الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ،
الله أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ
بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَالله أَكْبَرُ، الله
أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَكْرَمَنَا بِنِعْمَةِ الإِسْلَامِ، وَفَضَّلَنَا
عَلَى كَثِيرٍ مِنَ الْأُمَمِ . أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ،
وَرَسُولُهُ وَحَبِيبِهِ.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهٖ وَصَحْبِهٖ وَالْتَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ
وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ!، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ
وَإِيَّاهُ يِتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah SWT,

Marilah kita bersungguh-sungguh bertaqwa kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta bersungguh-sungguh meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita sama-sama bertakbir dan bertahmid serta bersyukur kepada Allah, kerana kita telah berjaya menyempurnakan ibadah yang difardhukan dalam bulan Ramadhan pada tahun ini.



Justeru untuk menghayati suasana pagi 'idulfitri yang meriah ini, marilah kita sama-sama mendengar khutbah yang bertajuk; "**"IDULFITRI, PERAYAAN IBADAH"**".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Hadirin dan hadirat yang berbahagia,

Hari ini adalah satu syawal, hari raya 'idulfitri, hari untuk kita bergembira, diharamkan bagi kita berpuasa, disunatkan untuk kita menyambutnya dengan laungan takbir yang nyaring dan mendirikan solat sunat 'idulfitri. Sebuah hadis daripada Ibn Abbas RAhuma beliau menjelaskan;

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَرَجَ يَوْمَ الْفِطْرِ فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ.

"Sesungguhnya Nabi SAW telah keluar pada hari raya 'idulfitri, kemudian terus mengerjakan solat sunat hari raya, sebanyak dua rakaat .

(Riwayat al-Bukhari).

'Idulfitri adalah hari yang dianugerahkan oleh Allah SWT sebagai suatu penghargaan yang tinggi kepada seluruh umat Islam lantaran kerana ketaatan kita disepanjang bulan Ramadhan. Oleh itu, hari ini kita disuruh merayakannya sebagaimana Rasulullah SAW merayakannya, kita juga diharuskan menjamu juadah bersama-sama ahli keluarga dan umat Islam



yang lain, supaya dapat sama-sama menyambut hari raya dengan penuh gembira dan ceria.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Kita memang disuruh supaya menyambut 'idulfitri dengan penuh kegembiraan, memakai pakaian yang indah, menghias rumah dan membersihkannya, disunatkan mandi pada pagi hari raya, disunatkan juga menjamah makanan sebelum keluar untuk mengerjakan solat sunat 'idulfitri, ketika balik kerumah pula disunatkan melalui jalan yang berbeza daripada laluan pergi ke masjid. Kita juga digalakkan untuk bermaaf-maafan antara suami isteri, anak-anak dengan ibu bapa, adik beradik sekeluarga dan jiran tetangga, bahkan disunatkan saling menghulurkan juadah dikalangan jiran tetangga.

Amalan yang sangat disunatkan ialah memperbanyak takbir dengan suara yang lantang bermula dari terbit anak bulan Syawal, hingga Imam memulakan solat sunat 'idulfitri sebagai menyerlah dan meninggikan syiar Islam yang agung.

Firman Allah SWT. dalam surah al-Haj ayat 32;

ذَلِكَ وَمَن يُعَظِّمْ شَعَّبِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى

الْقُلُوبُ




"Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (Dia lah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan daripada sifat-sifat taqwa hati orang mukmin".

Begitu juga Rasulullah SAW mengajarkan bahawa sebaik-baik ungkapan kata adalah تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ, sesungguhnya lafaz ini menjadi amalan para as-salafus soleh.

Semua itu menunjukkan tanda kesyukuran kita kepada Allah SWT yang selaras dengan perintah-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 185;

...وَلَتُكَمِّلُوا الْعِدَّةَ وَلَتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَنَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ
185

"...dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu mengagungkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

Dalam kerancakan kita merayakan 'Idulfitri, kita mesti ingat sesungguhnya 'idulfitri adalah satu ibadah yang menjadi tanda kesyukuran kita kepada Allah, kerana Allah telah menyediakan ramadhan dengan pakej lengkap pelbagai ganjaran pahala yang lebih baik daripada umat-umat terdahulu. Maka tidak wajar sama sekali kita mencemarkannya dengan maksiat atau perbuatan yang dimurkai oleh Allah SWT, seperti pembaziran,



pergaulan bebas, bersentuhan dan bersalaman di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram, berpakaian tidak menutup aurat ataupun kurang sopan, dan leka menghabiskan masa dihadapan televisyen sahaja.

Sesungguhnya berakhirnya Ramadhan tidak bermakna kita boleh melakukan apa sahaja, kemungkaran dan maksiat, perbuatan yang sia-sia, menipu, mengumpat dan fitnah, adu domba dan sebagainya. Sungguh malang sekiranya sepanjang Ramadhan kita sanggup menahan lapar dan dahaga, menjaga pertuturan dan tingkah laku, tetapi sebaik sahaja Ramadhan berlalu meninggalkan kita, maka segala perbuatan mungkar dan sia-sia mula datang menjelma dan menguasai diri kita.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Ramadhan telah berlalu meninggalkan kita, apakah kita masih ada umur dan kesempatan untuk bertemu lagi Ramadhan yang akan datang? Namun yang penting apakah kesan, kebaikan dan keuntungan yang kita perolehi sepanjang tempoh kita bersama dengan ramadhan kali ini?. Kalau sepanjang ramadahan ini kita penuhi dengan ruku' dan sujud kepada Allah, maka bertambahkah tunduk dan patuh kita kepada Allah selepas idulfitri ini?. Kalau sepanjang ramadhan kita sangat pemurah dengan zakat, sedekah dan derma yang kita hulurkan, maka bertambahkah murahnya sikap kita selepas 1 syawal ini?. Sekiranya sepanjang hari ini kita penuhi dengan aktiviti ziarah dari rumah ke rumah, jiran tetangga dan saudara mara, maka bertambahkah kemesraan dan silaturrahim sesama kita selepas ini, apakah hasilnya bertambah baik dengan tidak ada lagi adik beradik yang bermasam muka dan tidak bertegur sapa, tidak ada lagi kawan dan jiran tetangga yang



masih menyimpan hati dan memendam rasa, semua itu wajib diselesaikan segera supaya kita menjadi hamba Allah yang bertakwa.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Kita sebagai umat Islam sepatutnya telah dapat meningkatkan kualiti diri dengan latihan ramadhan yang lalu, kerana kita telah berjaya mengawal perbelanjaan kita semasa menyediakan juadah berbuka puasa dengan cermat dan tidak membazir, maka apakah kesannya? Apakah akan bertambah baik pengurusan ekonomi, kewangan dan perbelanjaan kita selepas ini?. Kita juga telah berjaya memperbaiki sikap kita terhadap kitab Allah dengan bersungguh-sungguh untuk mengkhatamkan al-Quran & bertadarus disepanjang bulan al-Quran diturunkan. Maka selepas ini berapa ramaikah antara kita yang menangis kerana sedar dan insaf untuk meneruskan amalan tersebut setiap hari, seolah-olah kita berada di bulan Ramadhan?.

Kita yakin bahawa ramai muslimin dan muslimat di malam-malam ramadhan, bangun malam bertahajjud, berqiamullail dan bermunajat kepada Allah dengan sempurna, berjaya merebut Lailatul-Qadr iaitu malam yang lebih baik dari 1000 bulan. Kerana itu layaklah mimbar 'idulfitri di pagi ini merakam setinggi-tinggi tahniah dan mengucapkan "taqabbalalahu minna wa minkum, taqabbal ya karim"!

Hadirin dan hadirat sekalian,

Di akhir khutbah ini, khatib merumuskan bahawa;



1. Umat Islam hendaklah mengucapkan syukur kepada Allah dan meyakini-Nya bahawa Allah telah menjadikan Ramadhan untuk hambanya meningkatkan darjat iman dan ketakwaan.
2. Umat Islam hendaklah menyambut hari raya 'idulfitri mengikut sunnah Rasulullah SAW kerana 'idulfitri adalah perayaan ibadah yang diperintahkan oleh Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah menjauhi segala perbuatan maksiat dan mungkar sepanjang menyambut 'idulfitri kerana dibimbangi akan menghapuskan semua pahala amalan disepanjang bulan Ramadhan.
4. Umat Islam hendaklah meneruskan amalan ibadah yang dilakukan sepanjang ramadhan hingga bertemu kepada ramadhan yang akan datang.
5. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Islam bukan setakat hanya berpuasa dan mengerjakan solat sahaja tetapi Islam juga mengatur segala bentuk kehidupan manusia didunia ini yang meliputi segala aspek perundangan, akhlak, pengurusan ekonomi, pentadbiran Negara dan sebagainya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ
أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ



"Kemudian, Kami jadikan engkau (Wahai Muhammad) berada atas satu syariat (yang lengkap) daripada hukum-hakam agama. Maka, ikutilah syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar)".

(Surah al-Jathiyah ; 18).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ
بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ
أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ،
وَأَعْزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَخْزَابَ وَحْدَهُ.
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَالْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ



يَوْمُ الدِّينِ. أَمَا بَعْدُ، فِي عِبَادَةِ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, Saya mengucapkan tahniah di atas kemenangan tuan-tuan dan puan-puan muslimin muslimat yang berjaya menunaikan fardu puasa ramadhan dan amal ibadah di sepanjang Ramadhan pada tahun ini. Saya juga mengucapkan selamat hari raya 'idulfitri تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ وَكُلُّ عَامٍ

وَأَتُّسْمِ بِخَيْرٍ dan tahniah kepada muslimin muslimat yang telah berjaya membaca dan mentadabbur al-Quran serta telah menunaikan zakat fitrah untuk diri dan tanggungan.

Ya Allah! Terimalah ibadah puasa kami, terimalah solat tarawih dan tahajud kami, terimalah ya Allah tilawah dan amalan tadarus kami, terimalah ya Allah sedekah dan zakat fitrah kami, terimalah segala amalan baik, zikir dan wirid kami, terimalah munajat dan doa-doa kami, hanya Engkaulah ya Allah yang maha pemurah lagi yang maha mengasihani kami, kerana rahmat-Mu terlalu luas, ya! Allah ya! Arhamarrahimin.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin muslimat yang dirahmati Allah,



Sekali lagi kita sama-sama mengingatkan pesanan Rasulullah SAW supaya berpuasa enam dalam bulan Syawal, sesiapa berpuasa ramadhan dengan sepenuhnya kemudian diteruskan 6 hari lagi berpuasa di bulan Syawal, maka ia akan diberi ganjaran seperti ia berpuasa sepanjang tahun. Dengan itu rebutlah anugerah Allah sebagai rahmat-Nya yang tidak ternilai besarnya kepada kita. Ini bertepatan dengan hadis daripada Abu Ayub al-Ansari bahawa Rasulullah SAW bersabda;

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتَبَعَهُ سِتَّاً مِنْ شَوَّالٍ،
كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

"Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kemudian diikuti dengan puasa 6 hari di bulan Syawal, maka ia seumpama puasa sepanjang tahun".

(Riwayat Muslim).

Di samping itu marilah kita bermaaf-maafan atas segala kesalahan yang telah sama-sama kita lakukan kepada mereka yang telah kita zalimi, sebaliknya maafkanlah mereka yang memohon kemaafan di atas kesalahan yang telah mereka lakukan ke atas kita, buanglah yang keruh, ambillah yang jernih, hubungkanlah silaturahim sesama kita, ziarahilah ibu bapa, sahabat handai, jiran tetangga dan saudara mara, semoga Allah meredhai amalan kita dan memberkati hidup kita.

Marilah kita mengukuhkan aqidah dan mempertahankan kalimah Allah sebagai lafaz jalalah, lafaz yang tertinggi. Kita bersyukur di atas kemenangan kita membawa usul Enakmen Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016 di Parlimen



semata-mata untuk mengangkat martabat Mahkamah Syariah di Negara ini, kita juga bersyukur diatas keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Rayuan dan kuasa-kuasa khas yang telah menolak permohonan Sistres In Islam untuk mencabar keputusan Majlis Fatwa Negeri Selangor mengenai liberalism di Negeri Selangor demi menjaga kesucian dan ketinggian agama Islam supaya tidak dipandang hina di mata agama lain. Marilah kita bersatu atas dasar iman dan Islam yang suci, membelakangkan perbezaan fahaman yang sia-sia dengan kembali kepada Allah dan bersatu menegakkan Syariat-Nya.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوٰةً عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذْرِيَّاتِهِ
أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ



الْأَمِينُ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعَظِيمَى آنْ تَحْفَظَ بَعْيَنْ عِنَائِتَكَ الرَّبَانِيَّةَ وَبِحِفْظِ
وِقَائِتَكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ
سَلَاغُورِ، سُلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَّةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ سُلْطَانِ شَرَفُ
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَلَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ
أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ



وَالْبَلَادِ، وَبِلْغُ مَقَاصِدِهِمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى
وَالرَّشَادِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِنَ التَّوَابِينَ وَاجْعَلْنَا مِنْ
الْمُتَطَهِّرِينَ وَاجْعَلْنَا مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ. اللَّهُمَّ
انْصُرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةِ
وَالْمُبْتَدِعَةِ وَالْمُشْرِكِينَ. وَأَلْفُ بَيْنَ قُلُوبِ
الْمُؤْمِنِينَ، وَافْتَحْ بَيْنَهُمْ بِالْحَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ
الْفَاتِحِينَ، اللَّهُمَّ عَافِنَا مِنْ كُلِّ بَلَاءِ الدُّنْيَا
وَعَذَابِ الْآخِرَةِ، وَاصْرِفْ عَنَّا شَرَّ الدُّنْيَا وَشَرَّ
الْآخِرَةِ.



رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ。 وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى خَيْرِ خَلْقِهِ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ。
سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ
عَلَى الْمُرْسَلِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.